

# PELAKSANAAN **SOLAT JUMAAT**

**DALAM KOMUNITI  
MUSLIM YANG KECIL**

**Hak Cipta © 2024 oleh Maktabah al-Bakri.  
Semua Hak Cipta Dilindungi.**

eBook ini adalah hasil karya:

**Dr. Zulkifli bin Mohamad al-Bakri**

Dengan sokongan penuh daripada pasukan penyelidik:

- Tengku Ibrahim Helmi bin Tengku Mohammad
- Syahirul Idzhar bin Sham Suri
- Muhammad Hariz Hazmi bin Abdul Hamid
- Muhammad Dawud Al-Hawariy bin Hamizan
- Muhammad Hasanain bin Zulkifli
- Abdul Rahman bin Abd Kodir

### **Hak cipta terpelihara.**

Dilarang memperbanyak, menyebarkan, memindahkan, atau menerbitkan semula, dalam mana-mana bentuk dan cara, sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman, atau lain-lain, tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit, kecuali bagi tujuan rujukan ilmiah, ulasan, atau kritikan yang dibenarkan oleh undang-undang hak cipta.

eBook ini diterbitkan oleh:

**MAKTABAH AL-BAKRI SDN BHD**

Lot 15211, Kampung Kubang, Jalan Salak - Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan.

HOTLINE: +60 19-321 7699

Laman Portal: <https://maktabahalbakri.com/>

Reka bentuk grafik oleh:

**Yuzairy bin Mohd Ayub**

### **Versi Pertama | Edisi Digital**

Hak cipta ini dilindungi di bawah Akta Hak Cipta 1987 (Akta 332)

Malaysia dan perundangan hak cipta antarabangsa.

# ISI KANDUNGAN

<b>Mukadimah</b> .....	4
<b>Pensyariatatan Solat Jumaat</b> .....	7
Mereka yang Diwajibkan Solat Jumaat .....	7
Kelebihan Solat Jumaat .....	9
<b>Solat Jumaat Ditunaikan Secara Berjemaah</b> .....	1
Kadar Bilangan Jemaah Solat Jumaat .....	13
<b>Isu Pelaksanaan Solat Jumaat dalam Komuniti Kecil Pelajar Muslim di Universiti</b> .....	23
Tempat Mendirikan Solat Jumaat .....	24
- Adakah masjid syarat sah solat Jumaat? .....	24
- Solat Jumaat di Rumah atau Kediaman .....	24
<b>Penutup</b> .....	34
<b>Bibliografi</b> .....	38

# MUKADIMAH

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT, selawat dan salam kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW, isteri dan ahli keluarga Baginda, para sahabat Baginda serta orang-orang yang mengikuti jejak langkah Baginda sehingga Hari Kiamat.

Telah sampai ke meja kami menerima pertanyaan dari sebahagian anak bangsa kita yang kini menuntut pengajian tinggi di luar negara seperti di Jepun, berkenaan isu pelaksanaan solat Jumaat di universiti mereka yang hanya mempunyai kira-kira tiga orang pelajar Muslim. Sebelum kami menelusuri perbincangan ini dengan lebih lanjut, kami mengucapkan *Barakallahu fikum* kepada persatuan pelajar tersebut yang tidak leka dari memikirkan kepentingan urusan agamanya meskipun berada di negara majoriti bukan Islam.

Setiap muslim harus mengetahui bahawa solat adalah rukun kedua daripada lima rukun Islam. Allah SWT telah menetapkan ke atas setiap mukallaf agar mendirikan solat fardu dalam kehidupan seharian mereka. Rasulullah SAW

menyatakan sebagaimana dalam hadith yang disebutkan oleh Abdullah bin 'Umar R.Anhuma:

بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ: شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا  
رَسُولُ اللَّهِ، وَإِقَامِ الصَّلَاةِ، وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ، وَحَجِّ الْبَيْتِ، وَصَوْمِ  
رَمَضَانَ

**Maksudnya:** “Islam dibina di atas lima perkara iaitu bersaksi bahawa sesungguhnya tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan Nabi Muhammad itu ialah utusan Allah, mendirikan solat, menunaikan zakat, mengerjakan haji dan berpuasa pada bulan Ramadhan.”

Riwayat al-Bukhari (8) dan Muslim (16)

Oleh yang demikian, syariat telah memberi amaran dan ancaman kepada mereka yang lalai dari mendirikannya. Allah SWT berfirman:

فَخَلَفَ مِنْ بَعْدِهِمْ خَلْفٌ أَضَاعُوا الصَّلَاةَ وَاتَّبَعُوا الشَّهْوَاتِ ۖ  
فَسَوْفَ يَلْقَوْنَ غِيًّا

**Maksudnya:** “Kemudian mereka digantikan oleh keturunan-keturunan yang mencuaikan sembahyang serta menurut

*hawa nafsu (dengan melakukan maksiat); maka mereka akan menghadapi azab (dalam neraka)."*

(Surah Maryam: 59)

Imam al-Qurtubi berkata, ini merupakan celaan dan bukti bahawa perbuatan meninggalkan solat itu sebahagian dari dosa-dosa besar yang boleh membawa kebinasaan kepada pelakunya, dan tidak ada perselisihan dalam hal ini. (Lihat *al-Jami' li Ahkam al-Quran*, 11/122)

Ancaman ini juga disebutkan oleh Rasulullah SAW sebagaimana dalam riwayat Jabir bin Abdullah R.A:

إِنَّ بَيْنَ الرَّجُلِ وَبَيْنَ الشِّرْكِ وَالْكُفْرِ تَرَكَ الصَّلَاةَ

**Maksudnya:** "Sesungguhnya antara seorang lelaki dengan kesyirikan dan kekufuran itu adalah pada meninggalkan solat."

Riwayat Muslim (82)

Sesungguhnya yang menghalang seseorang daripada menjadi kafir ialah dia masih mendirikan solat. Namun, jika dia meninggalkan solat, tidak ada lagi penghalang antara

dirinya dengan syirik, bahkan dia telah terjerumus ke dalamnya. (Lihat *al-Minhaj Syarh Sahih Muslim*, 2/71)

Melihat betapa besar dan pentingnya isu berkenaan solat ini, kami terpanggil untuk membawakan perbincangan dan kalam-kalam ulama berkenaan isu yang dibangkitkan ini. Jawapan kami ini hanya khusus untuk isu yang dibangkitkan dan tidak bersifat umum kepada seluruh tempat atau negara dan negeri. Hal yang demikian kerana, wujudnya perbezaan hukum apabila wujudnya perbezaan tempat serta situasi, antara negara Islam dan negara non-Muslim, yang mana situasi di negara non-Muslim telah dibahaskan oleh ulama dengan panjang lebar fiqhnya yang dikenali sebagai Fiqh Minoriti atau Fiqh Aqalliyat. Dr. Yusuf al-Qaradhawi pernah menjawab soalan seperti ini dalam bukunya *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam* dengan meraikan suasana yang berlaku kepada negara yang minoritinya umat Islam, seperti terpaksa berinteraksi dengan non-Muslim dan menyesuaikan diri mereka dengan masyarakat setempat.

Kami juga tegaskan di sini bahawa sebarang hukum yang diberikan perlu mendapat sebuah gambaran yang jelas. Hal ini berdasarkan kaedah:

الْحُكْمُ عَلَى الشَّيْءِ فَرَعٌ عَنِ تَصَوُّرِهِ

**Maksudnya:** “Asas dalam memberi hukum ke atas sesuatu, cabangnyanya adalah terlebih dahulu mesti mempunyai gambaran (menyeluruh).”

Ini merupakan antara kaedah yang masyhur dan amat mulia dalam kalangan ulama yang merentasi mazhab. Al-Jurjani berkata: “*Tasawwur* merupakan menghasilkan gambaran sesuatu pada akal dengan tepat. Bukanlah maksud dengan *tasawwur* dalam kaedah ini semata-mata gambaran pada *zihin* pada akal dari sesuatu.” (Lihat *al-Ta’rifat*, hlm. 59)

Abu al-Baqā’ al-Kafawi berkata: “Kadangkala *tasawwur* dengan maksud ilmu atau pengetahuan. Dan ia bukanlah berdasarkan kepada *tasawwur* yang dusta. Justeru, *tasawwur* yang dimaksudkan dalam kaedah ini ialah *tasawwur* yang penuh dengan ilmu yang mendalam tentang sesuatu perkara. Hal ini kerana *tasawwur* tersebut adalah dhabit pada *zihin* dan fikir yang selamat daripada kesilapan.” (Lihat *al-Kulliyat*, hlm. 290)

Semoga jawapan dan pencerahan ini sentiasa diberi taufiq dan hidayat kepada kita dalam mengamalkan ajaran Islam terutamanya solat yang menjadi kewajipan kepada kita.



# PENSYARIATAN SOLAT JUMAAT

Secara asasnya, solat Jumaat merupakan salah satu tuntutan syara' yang diwajibkan ke atas setiap lelaki muslim yang *mukallaf*, serta ia termasuk dalam salah satu daripada syiar agama Islam. Begitu banyak nas yang menunjukkan kepada pensyariatian solat Jumaat serta larangan yang tegas ke atas mereka yang meninggalkannya dengan sengaja. Allah SWT berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا نُودِيَ لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعَوْا  
إِلَى ذِكْرِ اللَّهِ وَذَرُوا الْبَيْعَ ۚ ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ

*Maksudnya: "Wahai orang yang beriman, apabila diserukan azan untuk solat pada hari Jumaat hendaklah kamu bersegera ke arah mengingati Allah dan meninggalkan jual beli. Yang demikian itu adalah baik buat kamu sekiranya kamu mengetahuinya."*

(Surah al-Jumu'ah: 9)

Berdasarkan ayat ini, kita dapati bahawa ia datang dengan kata majmuk dan dalam bentuk kata perintah kepada orang-orang yang beriman, maka tuntutan taklif ini mestilah dilakukan secara berjemaah dan hukum-hakamnya juga terkait dengan seluruh jemaahnya. Kalimah (فَاسْعُوا) atau “pergilah” ini adalah kata perintah yang membawa maksud wajib, dan kewajipan untuk pergi itu sudah pasti untuk menuju kepada perkara yang diwajibkan juga iaitu Solat Jumaat. Larangan untuk berjual-beli ketika itu pula agar manusia tidak disibukkan dengannya sehingga tidak pergi Solat Jumaat. Sekiranya benar hukum solat ini hanyalah sunat dan bukan fardhu, maka mengapa perlu dilarang untuk berjual-beli semata-mata untuk solat tersebut. (Lihat *al-Mughni*, 2/218)

Hari Jumaat dinamakan sebagai *al-Jumu'ah* (الْجُمُعَةُ) kerana ia berasal daripada perkataan *al-jam'* (الْجَمْعُ), yakni berkumpul. Umat Islam berhimpun setiap minggu pada hari ini di masjid-masjid besar. Hari ini juga dianggap istimewa kerana ia merupakan hari di mana Allah menciptakan langit dan bumi, begitu juga disempurnakan pada hari ini penciptaan Nabi Adam A.S, lalu baginda dimasukkan ke dalam Syurga, dan hari ini juga baginda dikeluarkan daripadanya. Selain itu, hari Jumaat adalah hari yang dijanjikan akan berlakunya Kiamat. Pada hari ini juga terdapat satu saat istimewa di mana apabila seorang hamba yang beriman berdoa kepada Allah SWT, memohon sesuatu

kebaikan, pasti Allah akan mengabulkannya, sebagaimana yang telah dinyatakan dalam hadith-hadith sahih.

Telah sabit bahawa umat-umat sebelum kita juga telah diperintahkan untuk memuliakan hari Jumaat, tetapi mereka menyimpang daripadanya. Orang Yahudi memilih hari Sabtu, iaitu hari di mana tidak ada penciptaan yang berlaku. Sementara orang Nasrani memilih hari Ahad, iaitu hari permulaan penciptaan. Allah SWT pula memilih hari Jumaat untuk umat Islam, iaitu hari di mana Dia menyempurnakan penciptaan sekalian makhluk. (Lihat *Tafsir al-Qur'an al-Azim*, 8/145)

Abu Hurairah R.A menyampaikan daripada Rasulullah SAW, sabda baginda:

نَحْنُ الْآخِرُونَ السَّابِقُونَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، بِيَدِ أُمَّتِهِمْ أُوتُوا الْكِتَابَ مِنْ قَبْلِنَا، ثُمَّ هَذَا يَوْمُهُمُ الَّذِي فُرِضَ عَلَيْهِمْ، فَاخْتَلَفُوا فِيهِ، فَهَدَانَا اللَّهُ لَهُ، فَالنَّاسُ لَنَا فِيهِ تَبِعَ الْيَهُودَ عَدًّا، وَالنَّصَارَى بَعْدَ عَدِّ

**Maksudnya:** “Kita adalah umat terakhir (datang ke dunia) tetapi yang terawal (diadili) pada hari Kiamat, meskipun mereka diberikan Kitab sebelum daripada kita. Kemudian, ini (Jumaat) merupakan hari mereka yang telah diwajibkan ke atas mereka, namun mereka berselisih tentangnya. Maka Allah memberi petunjuk kepada kita kepadanya (hari Jumaat). Umat Islam

*mengikuti kita; Yahudi pula keesokannya (hari Sabtu), manakala Nasrani pada hari lusa (hari Ahad)."*

Riwayat al-Bukhari (876) dan Muslim (855)

Warid juga di dalam al-Sunnah al-Nabawiyah akan kewajipan ini, sebagaimana yang diriwayatkan oleh Ummul Mukminin Hafsa R.Anha bahawa Rasulullah SAW menyebutkan secara jelas:

رَوَّاحُ الْجُمُعَةِ وَاجِبٌ عَلَى كُلِّ مُحْتَلِمٍ

**Maksudnya:** "Berangkat (untuk menunaikan) Jumaat diwajibkan ke atas semua yang telah baligh."

Riwayat al-Nasa'i (1371) dan Abu Dawud (342)

Disebutkan juga dalam hadith daripada Abu Musa al-Asy'ari R.A bahawa Rasulullah SAW bersabda:

الْجُمُعَةُ حَقٌّ وَاجِبٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ فِي جَمَاعَةٍ إِلَّا أَرْبَعَةً عَبْدٌ مَمْلُوكٌ  
أَوْ امْرَأَةٌ أَوْ صَبِيٌّ أَوْ مَرِيضٌ

**Maksudnya:** "Solat Jumaat adalah hak yang wajib ke atas setiap muslim secara berjemaah, melainkan empat orang: Hamba,

orang perempuan, kanak-kanak, atau orang yang sakit.”

Riwayat Abu Dawud (1067), al-Hakim (1076) dalam *al-Mustadrak*, al-Tabarani (5679) dalam *al-Mu'jam al-Ausat*, dan al-Baihaqi (5578) dalam *al-Sunan al-Kubra*.

Imam Muhammad al-Tahir bin 'Asyur pula menukilkan persepakatan ulama bahawa solat Jumaat ini menggantikan solat Zuhur pada hari Jumaat. Oleh itu, sesiapa yang telah menunaikan solat Jumaat, dia tidak perlu lagi menunaikan solat Zuhur. Namun, bagi mereka yang tidak menunaikan solat Jumaat atas dasar keuzuran atau sebab lain, maka wajib ke atas mereka untuk menunaikan solat Zuhur. (Lihat *al-Tahrir wa al-Tanwir*, 28/223)

## Mereka yang Diwajibkan Solat Jumaat

Solat Jumaat tidak dituntut kewajibannya secara umum kepada semua orang yang beragama Islam, bahkan ia ditujukan kepada *mukallaf* yang tertentu seperti yang disebutkan oleh Imam Ibn Ruslan:

وَرَكْعَتَانِ فَرَضُهَا لِمُؤْمِنٍ      كُفِّفَ حُرِّ ذِكْرِ مُسْتَوْطِنٍ

ذِي صِحَّةٍ ...

*“Dan dua rakaat (Solat Jumaat) kefardhuannya bagi orang beriman,*

*ditaklifkan bagi orang yang merdeka, lelaki, bermastautin,*

*dan mempunyai kesihatan...”*

Imam Syamsuddin al-Ramli berkata ketika mensyarahkan rangkap syair di atas: “Setiap orang yang beriman yang ditaklifkan, iaitu seorang yang baligh, berakal, merdeka, lelaki, dan bermastautin (yakni orang bermukim) yang mana terangkat darinya hukum musafir di kawasan solat Jumaat itu, meskipun pada asalnya dia tidak bermastautin di sana, atau berada dalam lingkungan kawasan yang terdengar seruan azan solat Jumaat. Ibn Ruslan menggunakan istilah ‘bermastautin’ ini sebagai ringkasan, walaupun syarat di sini sebenarnya adalah ‘bermukim’ sebagaimana dijelaskan dalam penjelasannya. Syarat lain pula memiliki kesihatan.

Maka, tidak wajib solat Jumaat ke atas orang kafir, kanak-kanak, orang gila (sebagaimana solat lain tidak diwajibkan ke atas mereka), begitu juga orang yang pengsan yang dianggap seperti orang gila. Berbeza pula situasinya dengan orang yang mabuk, dia wajib menggantikan solat Jumaat

dengan solat Zuhur sebagaimana solat-solat lain.

Solat Jumaat juga tidak diwajibkan ke atas hamba sahaya, meskipun dia adalah seorang *mukatab* (hamba yang sedang menebus kemerdekaan), hamba separa merdeka, atau yang sedang dalam perjanjian giliran kerja, walaupun masanya jatuh pada waktu giliran tersebut. Begitu juga, tidak wajib ke atas wanita, khunsa (individu interseks), musafir dengan perjalanan yang dibenarkan (walaupun pendek), dan orang sakit atau yang uzur daripada menunaikan solat berjemaah.” (Lihat ***Ghayah al-Bayan***, hlm. 183-184)

Ciri-ciri yang disebutkan di atas, apabila ia dipenuhi oleh para mahasiswa yang mengajukan persoalan berkenaan solat Jumaat ini, maka mereka ketika itu termasuk dalam kalangan *mukallaf* yang dituntut untuk mendirikannya, melainkan jika terdapat sebarang keuzuran yang mengharuskan mereka untuk mendirikan solat Zohor sahaja sebagai ganti kepada solat Jumaat.

## **Kelebihan Solat Jumaat**

Solat Jumaat juga merupakan ibadat yang sangat agung dan mempunyai fadhilat yang banyak. Antaranya seperti berikut:

## Pertama: Penghapus dosa

Daripada Abu Hurairah R.A, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

الصَّلَاةُ الْخَمْسُ، وَالْجُمُعَةُ إِلَى الْجُمُعَةِ، وَرَمَضَانُ إِلَى رَمَضَانَ،  
مُكْفِرَاتٌ مَا بَيْنَهُنَّ إِذَا اجْتَنَبَ الْكَبَائِرَ

**Maksudnya:** “Solat fardhu lima waktu, (Sembahyang) Jumaat hingga ke Jumaat (seterusnya), Ramadhan hingga Ramadhan seterusnya adalah semuanya ini penebus dosa di antara keduanya selama mana tidak dilakukan dosa-dosa besar.”

Riwayat Muslim (209)

Dalam riwayat lain, daripada Abu Hurairah R.A, bahawa Nabi SAW bersabda:

الصَّلَاةُ الْخَمْسُ، وَالْجُمُعَةُ إِلَى الْجُمُعَةِ، كَفَّارَةٌ لِمَا بَيْنَهُنَّ، مَا لَمْ  
تُعْشَرَ الْكَبَائِرَ

**Maksudnya:** “Solat lima waktu, Jumaat kepada Jumaat berikutnya merupakan kaffarah (penghapus dosa) di antara



*keduanya selagi mana tidak melakukan dosa besar.”*

Riwayat Muslim (233)

Imam al-Nawawi menyatakan setiap yang disebut di dalam hadith tersebut boleh menghapuskan dosa sekiranya terdapat dosa kecil untuk dihapuskan. Sekiranya tidak terdapat dosa kecil atau besar maka akan dicatat baginya kebaikan dan diangkat darjatnya. Sekiranya terdapat dosa besar dan tidak terdapat dosa kecil, mudah-mudahan perkara tersebut dapat meringankan dosa besar yang dilakukan. (Lihat *al-Minhaj Syarh Sahih Muslim*, 3/113)

### **Kedua: Ganjaran yang besar bagi mereka yang segera untuk menunaikan solat Jumaat.**

Abu Hurairah R.A meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda:

مَنْ اغْتَسَلَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ غُسْلَ الْجَنَابَةِ ثُمَّ رَاحَ، فَكَأَنَّمَا قَرَّبَ بَدَنَهُ،  
وَمَنْ رَاحَ فِي السَّاعَةِ الثَّانِيَةِ، فَكَأَنَّمَا قَرَّبَ بَقْرَةً، وَمَنْ رَاحَ فِي  
السَّاعَةِ الثَّلَاثَةِ، فَكَأَنَّمَا قَرَّبَ كَبْشًا أَقْرَنَ، وَمَنْ رَاحَ فِي السَّاعَةِ

الرَّابِعَةَ، فَكَأَنَّمَا قَرَّبَ دَجَاجَةً، وَمَنْ رَاحَ فِي السَّاعَةِ الْخَامِسَةِ،  
فَكَأَنَّمَا قَرَّبَ بَيْضَةً، فَإِذَا خَرَجَ الْإِمَامُ حَضَرَتِ الْمَلَائِكَةُ يَسْتَمِعُونَ  
الذِّكْرَ

**Maksudnya:** “Sesiapa yang mandi pada hari Jumaat (seperti) mandi janabah lalu segera pergi ke masjid, maka seolah-olah dia mengorbankan seekor unta. Sesiapa yang pergi pada masa yang kedua, seolah-olah dia mengorbankan seekor lembu. Dan sesiapa pergi pada masa yang ketiga, maka seolah-olah dia mengorbankan seekor biri-biri jantan yang bertanduk. Dan sesiapa yang pergi pada masa yang keempat, seolah-olah dia mengorbankan seekor ayam. Dan sesiapa yang pergi pada masa kelima, maka seolah-olah dia mengorbankan sebiji telur. Apabila imam telah keluar (untuk berkhotbah) maka para malaikat turut hadir mendengar peringatan tersebut (khotbah).”

Riwayat al-Bukhari (881), Muslim (850) dan Abu Dawud (351)

Syeikh Badruddin al-Aini berkata, Imam Malik berpendapat bahawa kalimah (السَّاعَةُ) itu merujuk kepada waktu-waktu selepas matahari tergelincir. Ini juga pandangan yang dipersetujui oleh al-Qadhi husain dan juga Imam al-Haramain al-Juwaini. Lafaz *al-rawah* (الرَّوَاهُ) atau ‘berangkat’ di sisi mereka lebih khusus selepas dari

tergelincir matahari sahaja, dan mereka mengatakan ini adalah makna sebenar dari sudut bahasa.

Adapun majoriti ulama berpandangan, *al-rawah* (الرَّوَاخُ) atau 'berangkat' ini lebih umum, bermula dari awal pagi. Inilah yang disebutkan oleh Imam al-Syafi'i dan Ibn Habib al-Maliki. Abu Mansur al-Azhari berkata, *al-rawah* (الرَّوَاخُ) di sisi orang Arab bermakna pergi, sama ada ia berlaku pada awal pagi atau pada waktu malam. Ini menjadikan majoriti ulama mentarjihkan bahawa kalimah (السَّاعَةُ) itu merujuk kepada waktu-waktu yang bermula dari awal pagi lagi. (Lihat *Syarh Sunan Abi Daud*, 2/173; *Tahzib al-Lughah*, 5/143)

**Ketiga: Setiap langkah menuju ke masjid diganjaran seperti pahala orang berpuasa.**

Ini disebutkan dalam sebuah hadith daripada Aus bin Aus R.A, katanya: Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ اغْتَسَلَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ وَغَسَلَ وَبَكَرَ وَابْتَكَّرَ وَدَنَا وَاسْتَمَعَ وَأَنْصَتَ كَانَ لَهُ بِكُلِّ خَطْوَةٍ يَخْطُوهَا أَجْرُ سَنَةِ صِيَامِهَا وَقِيَامِهَا

**Maksudnya:** "Sesiapa yang mandi dengan sempurna pada hari Jumaat, pergi awal ke masjid dan tiba awal, dan berjalan kaki serta tidak menunggang ke masjid, duduk berhampiran dengan

*Imam, mendengar khutbah dan tidak berkata-kata yang sia-sia; maka setiap langkahnya ke masjid akan diberi ganjaran pahala setahun berpuasa dan solat malam.”*

Riwayat al-Tirmizi (496)

## SOLAT JUMAAT DITUNAIKAN SECARA BERJEMAAH

Terdapat beberapa syarat yang disebutkan oleh para ulama yang menjadi syarat sah solat Jumaat. Antara syarat-syarat tersebut, ada yang mereka sepakati dan ada juga yang mereka berselisih mengenainya.

Di antara syarat sah solat Jumaat, ia hendaklah ditunaikan secara berjemaah. Dalam erti kata lain, kewajipan solat Jumaat hendaklah dilaksanakan secara berjemaah sebagaimana sabda Rasulullah SAW :

الْجُمُعَةُ حَقٌّ وَاجِبٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ فِي جَمَاعَةٍ إِلَّا أَرْبَعَةً عَبْدٌ مَمْلُوكٌ

أَوْ امْرَأَةً أَوْ صَبِيًّا أَوْ مَرِيضًا

**Maksudnya:** “Solat Jumaat merupakan satu hak kewajipan ke atas setiap orang Muslim untuk mendirikannya secara berjemaah, kecuali hamba yang dimiliki oleh tuannya, perempuan, kanak-kanak dan orang yang sakit.”

Riwayat Abu Dawud (1067)

Menurut Ibn Ruslan, hadith di atas menjadi dalil bahawa antara syarat solat Jumaat ialah ia mesti didirikan secara berjemaah, kerana tidak dinukilkan daripada Nabi SAW, para khalifah al-Rasyidin selepasnya, atau sesiapa pun pada zaman mereka atau selepasnya bahawa solat Jumaat dilakukan secara bersendirian. (Lihat **Syarah Sunan Abi Dawud** oleh Ibn Ruslan, 5/504).

Malah, Dr. Wahbah al-Zuhaili turut menyatakan dalam kitabnya bahawa telah berlaku ijma' ulama mengenai kewajipan menunaikan solat Jumaat secara berjemaah. (Lihat **Mausu'ah al-Fiqh al-Islami wa al-Qadhaya al-Mu'asirah**, 2/248).

## Kadar Bilangan Jemaah Solat Jumaat

Sekalipun, para ulama sepakat bahawa syarat sah solat Jumaat hendaklah dilakukan secara berjemaah. Namun, mereka telah berselisih pada kadar bilangan jemaah yang menjadi had penentuan sahnya solat Jumaat kepada beberapa pendapat.

**Pendapat pertama:** Menurut Abu Hanifah dan Muhammad al-Syaibani, bilangan minima jemaah solat Jumaat ialah empat orang termasuk Imam. Akan tetapi, al-Qadhi Abu Yusuf berpendapat bahawa bilangan jemaah solat Jumaat ialah tiga orang termasuk Imam. Ini juga adalah salah satu riwayat daripada Imam Ahmad dan pendapat sebahagian ulama salaf seperti al-Auza'i dan Abu Thaur. Ini juga pendapat yang dipilih oleh Syeikh al-Islam Ibn Taimiyyah, Mantan Mufti Besar Arab Saudi, Syeikh 'Abd al-'Aziz bin Abdullah bin Baz dan juga Muhammad bin Soleh al-'Uthaimin. (Lihat *Kanz al-Daqaiq*, hlm. 189; *Badai' al-Sanai' fi Tartib al-Syara'i'*, 1/268; *al-Mughni*, 2/243-244; *al-Mabsut* oleh Sarakhsi, 2/43; *Mukhtasar Ikhtilaf al-'Ulama'* oleh al-Tahawi, 1/330; *al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*, 4/504; *al-Ikhtiyarat al-Fiqhiyyah*, hlm. 439; *al-Syarh al-Mumti' 'ala Zad al-Mustaqni'*, 5/41).

Di antara hujah yang dikemukakan oleh mereka yang berpegang dengan pendapat ini adalah berdasarkan kepada

firman Allah SWT:

إِذَا نُودِيَ لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعَوْا إِلَىٰ ذِكْرِ اللَّهِ

**Maksudnya:** “Wahai orang yang beriman, apabila diserukan azan untuk solat pada hari Jumaat hendaklah kamu bersegera ke arah mengingati Allah.”

(Surah al-Jumu’ah: 9)

Lafaz “فَاسْعَوْا” dalam ayat di atas datang dalam bentuk jamak (plural), maka ia merangkumi tiga orang. (Lihat *al-Mughni*, 2/244).

Selain daripada itu, terdapat riwayat daripada Abu al-Darda’ R.A bahawa Nabi SAW bersabda:

مَا مِنْ ثَلَاثَةٍ فِي قَرْيَةٍ، وَلَا بَدْوٍ، وَلَا تَقَامُ فِيهِمُ الصَّلَاةُ إِلَّا قَدِ اسْتَحْوَذَ عَلَيْهِمُ الشَّيْطَانُ، فَعَلَيْكُمْ بِالْجَمَاعَةِ، فَإِنَّمَا يَأْكُلُ الذِّبْ الْقَاصِيَةَ

**Maksudnya:** “Tidak ada tiga orang dalam satu kampung atau pedalaman yang tidak didirikan solat di kalangan mereka melainkan syaitan akan menguasai mereka. Maka hendaklah

*kamu bersama jemaah, kerana sesungguhnya serigala hanya memakan (kambing) yang menyendiri.”*

Riwayat Abu Dawud (547); al-Nasa’i (847) dan Ahmad (21758). Imam al-Nawawi dalam ***al-Majmu’*** (4/182) menilai sanadnya sebagai sahih. Begitu juga Ibn al-Mulaqqin dalam ***al-Badr al-Munir*** (4/386) juga menilainya sebagai sahih. Manakala al-Albani menilainya sebagai hasan dalam ***Sahih Sunan Abi Dawud*** (547).

Dapat difahami daripada hadith di atas bahawa sesungguhnya solat secara umum merangkumi solat Jumaat dan juga solat-solat lain. Jika terdapat tiga orang dalam satu kampung yang tidak mendirikan solat, maka syaitan akan menguasai mereka. Ini menunjukkan kewajipan solat Jumaat ke atas tiga orang tersebut. Tidaklah mungkin untuk kita mengatakan bahawa ia wajib ke atas tiga orang tetapi pada masa yang sama mengatakan ia tidak sah dilakukan oleh mereka. Ini kerana mewajibkannya ke atas mereka tetapi menyatakan ia tidak sah adalah suatu percanggahan. Maksudnya, kita memerintahkan mereka untuk melakukan sesuatu yang batil, sedangkan memerintahkan sesuatu yang batil itu adalah haram (dan bertentangan dengan prinsip syariat). (Lihat ***al-Syarh al-Mumtī ‘ala Zad al-Mustaqni’***, 5/40).



Tambahan lagi, terdapat riwayat daripada Abu Sa'ïd al-Khudri, daripada Nabi SAW, Baginda bersabda:

إِذَا كَانُوا ثَلَاثَةً فَلْيُؤَمِّمَهُمْ أَحَدُهُمْ، وَأَحَقُّهُمْ بِالْإِمَامَةِ أَفْرُوهُمْ

**Maksudnya:** “Apabila terdapat tiga orang, salah seorang daripada mereka hendaklah menjadi imam bagi memimpin solat. Orang yang paling layak untuk menjadi Imam di antara mereka adalah yang paling baik penguasaannya terhadap al-Quran.”

Riwayat Muslim (672)

Dalam hadith di atas, perintah Nabi SAW untuk melantik imam apabila mereka bertiga adalah umum, meliputi semua solat berjemaah termasuk solat Jumaat dan solat berjemaah yang lain. (Lihat *Majallah al-Buhuth al-Islamiyyah*, 35/317)

Selain daripada itu, ulama mazhab Hanafi berdalilkan bahawa:

لِأَنَّهُ عَدَدٌ يَزِيدُ عَلَى أَقَلِّ الْجَمْعِ الْمُطْلَقِ

**Maksudnya:** “Kerana ia merupakan bilangan yang melebihi had minima bagi kata jamak (plural).” (Lihat *Badai' al-Sanai' fi Tartib al-Syarai'*, 1/268 dan *al-Nahr al-Faiq Syarh Kanz al-*

***Daqiq, 1/360).***

Bahkan, ini juga kerana tiga orang sudah dianggap sebagai bilangan minimum untuk dianggap sebagai *jamak (plural)*, maka solat berjemaah sah dilakukan dengan bilangan tersebut. (Lihat ***al-Mughni, 2/244*** dan ***al-Syarh al-Mumti' 'ala Zad al-Mustaqni', 5/40).***

Syeikh al-Islam Ibn Taimiyyah ada menyatakan, solat Jumaat boleh diadakan dengan kehadiran tiga orang: seorang menyampaikan khutbah, dan dua orang mendengarnya. Ini merupakan salah satu pandangan yang diriwayatkan daripada Imam Ahmad, serta pendapat sebahagian ulama. Namun, ada yang berpendapat bahawa kewajipan solat Jumaat hanya terikat kepada kehadiran 40 orang, kerana tidak ada dalil yang sahih mewajibkannya ke atas jumlah yang kurang daripada itu. Solat Jumaat tetap sah dengan jumlah kurang daripada 40 orang, kerana ia merupakan peralihan kepada kewajipan yang lebih tinggi, seperti keadaan seseorang yang sakit, berbeza dengan musafir, kerana kewajipan bagi musafir hanyalah dua rakaat. (Lihat ***al-Ikhtiyarat al-Fiqhiyyah***, hlm. 439).

Selain daripada itu, Syeikh 'Abd al-'Aziz bin Abdullah bin Baz turut menyebutkan, pendapat yang paling sahih dalam isu ini ialah pendapat yang menyatakan bahawa solat Jumaat sah dengan kehadiran tiga orang, berdasarkan

beberapa alasan. Di antaranya ialah, hukum asalnya ialah kewajipan mendirikan solat Jumaat ke atas penduduk kampung dan bandar; maka tidak dibolehkan bagi mereka meninggalkannya kecuali dengan hujah yang kukuh, dan tiada alasan atau hujah yang kukuh untuk meninggalkan solat Jumaat bagi mereka yang mencapai bilangan ini. Selain itu, tiga orang adalah jumlah minimum bagi *jamak (plural)* dalam bahasa Arab, sedangkan penggunaan *jamak (plural)* kepada dua orang adalah bertentangan dengan penggunaan yang lazim dan masyhur dalam bahasa Arab. Oleh itu, adalah lebih wajar dan lebih berhati-hati dalam agama untuk membawa dalil-dalil syarak kepada maknanya yang lebih lazim.

Adapun pendapat-pendapat yang lain tidak mempunyai hujah yang jelas dan kukuh yang mewajibkannya untuk dipegang atau dijadikan sandaran. Justeru, adalah wajib untuk meninggalkan pendapat tersebut dan berpegang kepada pendapat yang menghimpunkan dalil-dalil, membersihkan tanggungan (daripada tanggungjawab syara'), serta memberikan langkah berhati-hati bagi pencari kebenaran. Jika bilangan yang lebih daripada tiga orang merupakan syarat bagi mendirikan solat Jumaat, pastinya Nabi Muhammad SAW telah menegaskan perkara itu dan membimbing umat ke arahnya.

Maka, apabila tidak terdapat sebarang dalil yang menunjukkan perkara tersebut (bilangan lebih daripada

tiga orang) sebagai syarat bagi mendirikan solat Jumaat, hal ini menunjukkan bahawa ia bukanlah syarat untuk mendirikannya. Adapun tiga orang, tidak perlu ditegaskan lagi kewajipan mendirikannya ke atas mereka, kerana mereka adalah bilangan minimum bagi sesuatu kumpulan (*jamak* atau *plural*). Bahkan nas dan ijma' telah menunjukkan bahawa solat Jumaat tidak didirikan kecuali secara berjemaah, dan tiga orang adalah bilangan minimum untuk sebuah *jama'ah*, seperti yang telah dijelaskan sebelum ini. (Lihat ***Majmu' Fatawa Ibn Baz***, 30/332).

**Pendapat Kedua:** Solat Jumaat sah didirikan dengan dua orang. Ini merupakan pendapat mazhab Zahiri dan sekelompok ulama salaf seperti Ibrahim al-Nakha'i dan al-Hasan bin Soleh. Ini juga merupakan pendapat yang dipilih oleh al-Tabari dan al-Syaukani. (Lihat ***al-Muhalla***, 3/249; ***al-Majmu' Syarh al-Muhazzab***, 4/504; ***Bidayah al-Mujtahid***, 1/158 dan ***Nail al-Autar***, 3/276).

Ibn Hazm menyebutkan daripada Ibrahim al-Nakha'i bahawa "Jika ada seseorang bersama Imam, maka mereka berdua solat Jumaat dua rakaat dengan khutbah." Ini adalah pendapat al-Hasan bin Hayy dan Abu Sulaiman serta semua ashab kami. Ini juga pendapat yang kami berpegang dengannya. (Lihat ***al-Muhalla***, 3/249).

Al-Syaukani juga ada menyatakan bahawa bagi mereka yang berpendapat bahawa solat Jumaat sah dengan bilangan jemaah dua orang. Mereka berdalilkan bahawa bilangan itu adalah wajib berdasarkan hadith dan ijma', namun mereka berpendapat bahawa tidak sabit dalil yang menunjukkan syarat bilangan tertentu. Sesungguhnya telah sah solat berjemaah dalam solat-solat lain dengan dua orang, dan tidak ada perbezaan antara itu dengan solat berjemaah, dan tidak ada nas daripada Rasulullah SAW yang menyatakan bahawa solat Jumaat tidak sah kecuali dengan bilangan tertentu. Jadi, pendapat ini adalah pendapat yang lebih kuat di sisinya. (Lihat *Nail al-Autar*, 3/276).

Selain itu, mereka yang berpegang dengan pendapat ini turut berhujah berdasarkan kepada ayat 9 dalam surah al-Jumu'ah (seperti mana yang kami telah sebutkan di atas). Kemudian, menurut Ibn Hazm, tidak boleh sesiapa pun keluar dari perintah ini dan hukum ini kecuali jika ada nas yang jelas atau ijma' yang pasti mengenai pengecualiannya, dan hal itu hanyalah berlaku bagi individu yang tunggal sahaja. (Lihat *al-Muhalla*, 3/251).

Begitu juga terdapat riwayat daripada Malik bin al-Huwairith R.A, katanya:

أَتَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَا وَصَاحِبٌ لِي فَلَمَّا أَرَدْنَا

الإِقْتَالَ مِنْ عِنْدِهِ قَالَ لَنَا: إِذَا حَضَرَتِ الصَّلَاةُ فَأَذِّنَا ثُمَّ أَقِيمَا  
وَلِيُؤَمِّمَكُمَا أَكْبَرُكُمَا

**Maksudnya:** “Aku datang kepada Rasulullah SAW bersama seorang sahabatku, dan apabila kami hendak beredar pergi dari sisi Baginda, Baginda SAW bersabda kepada kami: ‘Apabila masuknya waktu solat, maka azanlah dan laungkan iqamat, dan orang yang paling tua di antara kamu hendaklah menjadi imam.’”

Riwayat al-Bukhari (2848) dan Muslim (674) dan lafaz hadith daripada Imam Muslim.

Menurut Ibn Hazm, berdasarkan kepada hadith di atas, dapat difahami bahawa Nabi SAW telah menjadikan atau menetapkan bilangan sebanyak dua orang mempunyai hukum jemaah dalam solat. (Lihat *al-Muhalla*, 3/251). Dalam erti kata lain, solat jemaah sah didirikan dengan hanya dua orang (iaitu seorang Imam dan seorang makmum).

Sementelahan lagi, dua orang sudah dianggap *jama'ah* dan sudah dikira terhasilnya perhimpunan atau perkumpulan (*ijtima'*). Sebagaimana yang diketahui bahawa solat berjemaah selain solat Jumaat boleh dilakukan dengan hanya dua orang berdasarkan kesepakatan ulama. Solat Jumaat pula adalah sama seperti solat-solat lain, maka

sesiapa yang mendakwa bahawa solat Jumaat memerlukan sekurang-kurangnya tiga orang, dia perlu mendatangkan dalil atau bukti (yang menyokong kenyataannya itu). (Lihat *al-Syarh al-Mumti' 'ala Zad al-Mustaqni'*, 5/40).

**Pendapat Ketiga:** Manakala ulama mazhab Maliki menyatakan bahawa bilangan minima jemaah solat Jumaat ialah 12 orang lelaki yang bermastautin dan kekal bersama Imam dari awal khutbah sehinggalah selesai menunaikan solat Jumaat. (Lihat *Mausu'ah al-Fiqh al-Islami wa al-Qadhaya al-Mu'asirah*, 2/248-249)

Mereka berhujahkan dengan riwayat daripada Jabir bin Abdullah R.A yang mengatakan:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَخْطُبُ قَائِمًا يَوْمَ الْجُمُعَةِ. فَجَاءَتْ عِيرٌ مِنَ الشَّامِ فَانْقَتَلَ النَّاسُ. إِلَيْهَا حَتَّى لَمْ يَبْقَ إِلَّا اثْنَا عَشَرَ رَجُلًا. فَأُنزِلَتْ هَذِهِ الْآيَةُ الَّتِي فِي الْجُمُعَةِ: ﴿وَإِذَا رَأَوْا تِجَارَةً أَوْ لَهْوًا انْفَضُّوا إِلَيْهَا وَتَرَكُوكَ قَائِمًا﴾

**Maksudnya:** “Bahawa Nabi SAW sedang menyampaikan khutbah Jumaat dalam keadaan berdiri. Tiba-tiba datang satu rombongan dagang dari Syam, maka para jemaah telah bergegas ke arah rombongan itu sehingga tidak ada lagi yang

*tinggal bersamanya (mendengar khutbah tersebut) melainkan dua belas orang lelaki. Maka, turunlah ayat 11 surah al-Jumu'ah."*

Riwayat Muslim (863)

**Pendapat Keempat:** Ulama mazhab al-Syafi'i dan Hanbali pula meletakkan syarat bilangan minima jemaah solat Jumaat ialah seramai 40 orang atau lebih. Ini juga adalah merupakan pendapat 'Ubaidullah bin Abdullah bn 'Utbah, dan salah satu riwayat Umar bin Abdul Aziz. (Lihat *al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*, 4/503; *al-Umm*, 1/219; dan *al-Raudh al-Murbi'*, hlm. 151)

Empat puluh orang lelaki tersebut mestilah memenuhi syarat wajib Jumaat (أهل الجمعة) iaitu lelaki, baligh dan bermastautin. (Lihat *al-Fiqh al-Manhaji*, 1/202) Juga bilangan 40 orang itu hendaklah berkekalan dari awal hingga akhir Jumaat. (Lihat *Matla' al-Badrain*, disusun oleh PMWP, 1/160-163)

Antara hujah mereka ialah riwayat daripada Abd al-Rahman bin Ka'ab bin Malik yang menyebutkan bahawa jumlah jemaah solat Jumaat yang pertama di Madinah ialah 40 orang lelaki. Beliau berkata:



كُنْتُ قَائِدَ أَبِي حِينَ ذَهَبَ بَصْرُهُ، فَكُنْتُ إِذَا خَرَجْتُ بِهِ إِلَى  
 الْجُمُعَةِ فَسَمِعَ الْأَذَانَ اسْتَغْفَرَ لِأَبِي أَمَامَةَ أَسْعَدَ بْنِ زُرَّارَةَ، وَدَعَا  
 لَهُ، فَمَكَثْتُ حِينًا أَسْمَعُ ذَلِكَ مِنْهُ، ثُمَّ قُلْتُ فِي نَفْسِي: وَاللَّهِ إِنَّ  
 ذَا لَعَجْزٍ، إِنِّي أَسْمَعُهُ كُلَّمَا سَمِعَ أَذَانَ الْجُمُعَةِ يَسْتَغْفِرُ لِأَبِي أَمَامَةَ  
 وَيُصَلِّي عَلَيْهِ، وَلَا أَسْأَلُهُ عَنْ ذَلِكَ لَمْ هُوَ؟ فَخَرَجْتُ بِهِ كَمَا  
 كُنْتُ أَخْرُجُ بِهِ إِلَى الْجُمُعَةِ، فَلَمَّا سَمِعَ الْأَذَانَ اسْتَغْفَرَ كَمَا كَانَ  
 يَفْعَلُ، فَقُلْتُ لَهُ: يَا أَبَتَاهُ، أَرَأَيْتَكَ صَلَاتِكَ عَلَى أَسْعَدَ بْنِ زُرَّارَةَ  
 كُلَّمَا سَمِعْتَ الْبِدَاءَ بِالْجُمُعَةِ لَمْ هُوَ؟ قَالَ: ”أَيُّ بَيْتِي، كَانَ أَوَّلَ  
 مَنْ صَلَّى بِنَا صَلَاةَ الْجُمُعَةِ قَبْلَ مَقْدَمِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ  
 وَسَلَّمَ مِنْ مَكَّةَ، فِي نَقِيعِ الْخُضَمَاتِ، فِي هَزْمٍ مِنْ حَرَّةِ بَنِي بِيَّاضَةَ،  
 قُلْتُ: كَمْ كُنْتُمْ يَوْمَئِذٍ؟ قَالَ: أَرْبَعِينَ رَجُلًا”

**Maksudnya:** “Aku menjadi penuntun ayahku ketika penglihatannya hilang. Maka, apabila aku membawanya keluar untuk solat Jumaat, setiap kali dia mendengar azan, dia akan beristighfar untuk Abu Umamah, iaitu As’ad bin Zurarah, dan mendoakannya. Aku terus mendengar perkara itu daripadanya untuk satu tempoh masa, sehingga aku berkata dalam hatiku: ‘Demi Allah, ini adalah satu kelalaian, kerana aku selalu

*mendengar dia setiap kali mendengar azan Jumaat, beristighfar untuk Abu Umamah dan berselawat untuknya, tetapi aku tidak pernah bertanya kepadanya mengapa dia berbuat demikian.'*

*Maka pada suatu hari, aku keluar bersamanya seperti biasa, membawanya ke masjid untuk solat Jumaat. Apabila dia mendengar azan, dia beristighfar seperti kebiasaannya. Lalu aku bertanya kepadanya: 'Wahai ayahku, apakah sebabnya engkau sentiasa berdoa dan berselawat untuk As'ad bin Zurarah setiap kali engkau mendengar panggilan azan Jumaat?'*

*Dia menjawab: 'Wahai anakku, sesungguhnya dia adalah orang pertama yang mengimami solat Jumaat bersama kami sebelum ketibaan Rasulullah SAW dari Makkah. Perkara itu berlaku di Naki'al-Khadhamat, di kawasan Hizm di Harrah Bani Bayadhah.'*

*Aku bertanya kepadanya: 'Berapa ramaikah kamu ketika itu?'*  
*Dia menjawab: 'Empat puluh orang lelaki.'"*

Riwayat Ibn Majah (893) dan dinilai *hasan* oleh pengarang **Sahih Ibn Majah**

Begitu juga dengan riwayat yang disebut dalam Sunan Abi Dawud yang mana Abd al-Rahman bin Ka'ab bin Malik menjadi penuntun ayahnya setelah kehilangan penglihatan, daripada ayahnya, Ka'ab bin Malik:

أَنَّهُ كَانَ إِذَا سَمِعَ النَّدَاءَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ تَرَحَّمَ لِأَسْعَدَ بْنِ زُرَّارَةَ، فَقُلْتُ لَهُ: إِذَا سَمِعْتَ النَّدَاءَ تَرَحَّمْتَ لِأَسْعَدَ بْنِ زُرَّارَةَ، قَالَ: لِأَنَّهُ أَوَّلُ مَنْ جَمَعَ بِنَا فِي هَزْمِ النَّبِيِّ مِنْ حَرَّةِ بَنِي بَيَّاضَةَ فِي نَقِيعٍ يُقَالُ لَهُ: نَقِيعُ الْخَضِمَاتِ، قُلْتُ: كَمْ أَنْتُمْ يَوْمَئِذٍ، قَالَ: أَرْبَعُونَ

**Maksudnya:** “Apabila dia mendengar azan pada hari Jumaat, dia akan mendoakan rahmat untuk As’ad bin Zurarah. Maka aku bertanya kepadanya: ‘Mengapa setiap kali engkau mendengar azan, engkau mendoakan rahmat untuk As’ad bin Zurarah?’ Dia menjawab: ‘Kerana dialah orang pertama yang mengimami kami untuk solat Jumaat di Hizm al-Nabit, di kawasan Harrah Bani Bayadhah, di satu tempat yang dikenali sebagai Naki’ al-Khadhamat.’ Aku bertanya: ‘Berapa ramai kamu ketika itu?’ Dia menjawab: ‘Empat puluh orang.’”

Riwayat Abu Dawud (1069) dan dinilai *hasan* oleh pengarang **Sahih Abu Dawud**

Selain itu, solat Jumaat adalah suatu kewajipan atau *wajib ain* bagi kaum lelaki yang memenuhi syarat-syaratnya iaitu beragama Islam, baligh, berakal, merdeka sepenuhnya (yakni bukan hamba), sihat tubuh badan dan bermukim di tempat solat Jumaat didirikan. (Lihat **al-Fiqh al-Manhaji**, 1/200-201).

Terdapat riwayat daripada Tariq bin Syihab R.A, bahawa Nabi SAW bersabda:

الْجُمُعَةُ حَقٌّ وَاجِبٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ

**Maksudnya:** “Solat Jumaat adalah hak yang wajib ke atas setiap lelaki Muslim.”

Riwayat Abu Dawud (1067)

Menurut al-Khattabi, para fuqaha telah sepakat bahawa solat Jumaat tidak diwajibkan ke atas wanita. Adapun hamba, para ulama berbeza pendapat tentang mereka. Al-Hasan dan Qatadah berpendapat bahawa solat Jumaat diwajibkan ke atas hamba sekiranya mereka boleh keluar untuk menghadirinya. Pendapat ini juga dinyatakan oleh al-Auza'i. Aku mengira bahawa mazhab Dawud (al-Zahiri) juga mewajibkan solat Jumaat ke atas hamba. Telah diriwayatkan daripada al-Zuhri bahawa beliau berkata: “Apabila seorang musafir mendengar azan, maka hendaklah dia menghadiri solat Jumaat.” Pendapat yang serupa turut diriwayatkan daripada Ibrahim al-Nakha'i. Hadith ini menunjukkan bahawa kewajipan solat Jumaat termasuk dalam kewajipan fardhu ain. Ini adalah pendapat yang jelas dalam mazhab al-Syafi'i. (Lihat *Ma'alim al-Sunan*, 1/243)

Di samping itu, solat Jumaat yang dilakukan adalah tidak sah melainkan setelah memenuhi empat syarat yang berikut:

- Solat Jumaat hendaklah didirikan di dalam kawasan binaan, sama ada di bandar atau di kariah yang mempunyai penduduk yang bermustautin tidak kurang daripada 40 orang lelaki yang cukup syarat-syarat wajib mendirikan Jumaat.
- Bilangan Jemaah bagi solat Jumaat ialah tidak kurang daripada 40 orang lelaki yang memenuhi syarat wajib Jumaat (أهل الجمعة) iaitu lelaki, baligh dan bermastautin.
- Solat Jumaat hendaklah didirikan dalam waktu Zuhur.
- Jangan didirikan lebih daripada satu solat Jumaat pada satu tempat selagi ia boleh dilakukan demikian. Malahan mereka wajib berhimpun pada satu tempat. Namun harus berbuat lebih daripada satu tempat jika tempat tersebut tidak dapat menampung bilangan jemaah yang ramai. (Lihat *al-Fiqh al-Manhaji*, 1/202-203).

Selain daripada itu, sebahagian ulama ada menyebutkan beberapa lagi syarat sah solat Jumaat selain daripada empat syarat di atas iaitu:

- Tidak boleh mendahului atau serentak takbiratul ihram antara satu Jumaat dengan Jumaat yang lain dalam satu tempat kerana ditegah berbilang-bilang Jumaat pada satu tempat, kecuali ahli Jumaatnya ramai sukar untuk berhimpun di satu tempat.
- Ditunaikan secara berjemaah hanya pada rakaat yang pertama dan berkekalan jemaahnya hingga selesai sujud kedua walaupun sekalian makmumnya mufaraqah daripada imamnya selepas sujud kedua pada rakaat pertama. Tetapi bilangan 40 orang adalah disyaratkannya berkekalan dari awal hingga akhir Jumaat. Ahli jemaah yang mendapat satu rakaat bersama Imam dianggap sebagai mendapat Jumaat.
- Hendaklah didahului dengan dua khutbah. (Lihat ***Matla' al-Badrain***, disusun oleh PMWP, 1/160-163; ***al-Taqrirat al-Sadidah***, 327-328; ***Nail al-Raja' bi Syarh Safinah al-Naja***, hlm. 156-158).

# ISU PELAKSANAAN SOLAT JUMAAT DALAM KOMUNITI KECIL PELAJAR MUSLIM DI UNIVERSITI

Dalam hal ini, kami andaikannya kepada beberapa situasi seperti berikut:

- Dalam situasi ini, sekiranya universiti berada di kawasan bandar atau berhampiran masjid yang mendirikan solat Jumaat, maka pelajar-pelajar tersebut wajib pergi ke masjid untuk menunaikan solat Jumaat. Hal ini kerana salah satu syarat sah solat Jumaat ialah didirikan di kawasan yang mempunyai bilangan jemaah tidak kurang daripada 40 orang lelaki yang memenuhi syarat wajib Jumaat mengikut mazhab Syafi'i dan Hanbali dalam satu riwayat.
- Sekiranya universiti tersebut terletak di kawasan terpencil yang jauh daripada masjid atau kawasan penduduk yang memenuhi syarat bilangan jemaah untuk solat Jumaat, maka pelajar-pelajar ini tidak

dapat menunaikan solat Jumaat kerana tidak memenuhi syarat bilangan jemaah yang sah. Dalam situasi ini, mereka diwajibkan menggantikan solat Jumaat tersebut dengan solat Zuhur secara berjemaah. Pendapat ini berdasarkan pandangan dalam mazhab Syafi'i yang mensyaratkan sekurang-kurangnya 40 orang lelaki baligh, bermastautin, dan memenuhi syarat wajib Jumaat untuk mendirikan solat Jumaat.

- Walaupun begitu, jika tempoh mungkin lama seperti empat tahun belajar di universiti tersebut, kami berpendapat, boleh bagi mereka melaksanakan solat Jumaat dengan bilangan yang paling banyak yang mereka miliki berdasarkan *taqlid* kepada mazhab Hanafi dan juga mazhab Maliki, serta dalam kalangan ulama salaf dan khalaf yang berpendapat sedemikian. **Sejujurnya, dalam situasi seperti ini, kami cenderung kepada pendapat ini.**

Bahkan hal ini juga adalah bertepatan dengan kaedah yang menyebutkan:

مَنْ ابْتُلِيَ بِمُحْتَلَفٍ فِيهِ كَانَ لَهُ أَنْ يُقَلِّدَ مَنْ أَجَازَ

**Maksudnya:** "Sesiapa yang diuji dengan suatu kesusahan yang diperselisahi di dalamnya, maka dia boleh bertaqlid



*dengan ulama yang mengharuskannya.”<sup>1</sup> (Lihat juga **Tuhfah al-Muhtaj fi Syarh al-Minhaj wa Hawasyai al-Syarwani wa al-‘Abadi**, 1/119; **Hasyiah al-Bajuri ‘ala Syarh al-‘Allamah Ibn Qasim al-Ghazzi ‘ala Matn Abi Syuja’**, 1/216).*

- Kami juga berpendapat agar Persatuan Pelajar Islam hendaklah mengemukakan permohonan khas kepada pihak universiti untuk pelepasan dalam menghadiri solat Jumaat di masjid yang berdekatan jika sekiranya tidak mengganggu waktu pembelajaran atau mungkin boleh diubah seperti dilewatkan atau dianjak sedikit masanya. Ini sudah tentu dapat menggabungkan kedua-duanya, solat Jumaat dan pembelajaran.

## **Tempat Mendirikan Solat Jumaat**

Kami turut menyatakan di sini beberapa persoalan yang mungkin berlegar dalam fikiran kita terkait dengan solat Jumaat. Antaranya:

---

1. Lihat <https://www.draligomaa.com/index.php/المكتبة/مقالات/المصري-اليوم/item/654-كيف-مجلس-سويا؟>. Diakses pada 26 November 2024.

## **Pertama: Apakah masjid merupakan syarat sah bagi solat Jumaat?**

Kewajipan melaksanakan solat Jumaat secara berjemaah tidak disyaratkan solat Jumaat tersebut dilakukan di dalam bangunan masjid mengikut kepada pandangan jumhur ulama. Ini adalah seperti mana pendapat para ulama Hanafiyyah, Syafi'iyah dan Hanabilah, mereka tidak mensyaratkan untuk solat Jumaat diadakan di dalam masjid. (Lihat *Fatawa Syar'iyah wa Buhuth Islamiah*, 1/274).

Imam al-Nawawi secara jelas menyatakan bahawa tidak disyaratkan untuk mendirikan solat Jumaat di dalam masjid, bahkan harus untuk mendirikan di tempat lapang yang terbuka sama ada mereka mendirikan solat tersebut di penjuru atau di lapangan – jika sekiranya bangunan di tempat tersebut telah hancur – kemudian penduduknya mengimarhkannya semula, maka wajib bagi mereka menunaikan solat Jumaat di dalamnya, sama ada dilakukan di bawah bumbung ataupun tidak. Ini kerana tempat tersebut menjadi tempat bermastautin. (Lihat *al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*, 4/501)

Begitu juga Imam al-Syaukani ada menyatakan dalam kitabnya bahawa Imam Abu Hanifah, Imam al-Syafi'i dan kebanyakan ulama berpendapat bahawa masjid bukanlah salah satu daripada syarat untuk mendirikan solat Jumaat,

ini kerana dalil tidak memperincikan tentang kewajibannya untuk dilaksanakan di dalam masjid. (Lihat *Nail al-Autar*, 3/279).

Manakala, Imam Malik pula mensyaratkan wujudnya masjid untuk dilaksanakan solat Jumaat. Justeru itu, tidak sah bagi penduduk kampung yang telah merobohkan masjid di tempat mereka dan membiarkannya tidak berbumbung untuk mereka mendirikan solat Jumaat di tempat tersebut. (Lihat *Fatawa Syar'iyah wa Buhuth Islamiah*, 1/274; *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*, 2/336).

Walau bagaimanapun, kami lebih cenderung dan *mentarjihkan* untuk mengambil pandangan jumhur yang menyatakan bahawa tidak disyaratkan untuk melaksanakan solat Jumaat di dalam bangunan masjid yang berbumbung.

## **Kedua: Solat Jumaat di Rumah atau Kediaman**

Berkenaan isu ini, meskipun seseorang itu ingin menunaikan solat Jumaat di rumahnya dengan mengambil pendapat ulama mazhab Hanafi pada soal bilangan minima jemaah solat, harus diingat ulama mazhab Hanafi juga telah meletakkan syarat sah solat Jumaat ialah mendapat keizinan pemerintah. Juga mendapat keizinan am untuk melaksanakan solat Jumaat. (Lihat *Mausu'ah al-Fiqh al-Islami wa al-Qadhaya al-Mu'asirah*, 2/250).

Ibn Nujaim al-Misr al-Hanafi menyebutkan bahawa syarat sah solat Jumaat adalah pelaksanaannya mestilah diumumkan sehinggakan kalau pemerintah menutup pintu kubunya (tidak membenarkan orang luar) dan menunaikan solat Jumaat di dalamnya bersama ahli-ahlinya serta askar-askarnya sahaja, maka solat Jumaat tersebut tidak sah (jika ia dilakukan oleh orang luar). Namun, sekiranya pintu dibuka dan diberi keizinan untuk orang ramai masuk (menunaikan solat Jumaat bersama), solat Jumaat tersebut sah tetapi makruh kerana ia tidak menunaikan hak Masjid Jamek. (Lihat *al-Bahr al-Raiq*, 2/162-163)

Dr. Wahbah al-Zuhaili mengatakan bahawa perlunya kepada keizinan am bagi menunaikan solat Jumaat (menurut mazhab Hanafi) kerana setiap perhimpunan memerlukan keizinan (pemerintah) bagi menghadirinya. Oleh itu, tidak akan berlaku sesuatu perhimpunan melainkan dengan keizinan (pemerintah). Begitu juga, solat Jumaat ini adalah merupakan syiar Islam dan keistimewaan umat ini, maka pelaksanaannya mestilah diumumkan (kepada orang ramai). (Lihat *Mausu'ah al-Fiqh al-Islami wa al-Qadhaya al-Mu'asirah*, 2/250).

Justeru kami katakan, dalam isu ini, solatlah di dewan solat atau bilik yang telah ditetapkan oleh pihak universiti atau pentadbirannya untuk pelajar Muslim. Elakkan solat di rumah sebagai keluar daripada khilaf melainkan telah

diizinkan oleh pihak yang berautoriti tempatan. Ini adalah amat penting kerana akan ada banyak solat Jumaat di rumah walaupun kelompok yang kecil sedangkan sepatutnya disekalikan pada satu tempat yang memungkinkan jemaah pelajar Islam yang lain boleh bersama-sama melaksanakan ibadat solat tersebut. Inilah yang sepatutnya.

Ini hanya terbatas pada suasana yang masih lagi dibelenggu dengan ikatan waktu dan tiadanya kemudahan untuk hadir ke masjid yang berdekatan atau masjid amat jauh atau kerana jumlah umat Islam dan pelajarnya adalah amat sedikit. Apabila semua 'illah-'illah atau sebab-sebab tersebut telah hilang, maka hilanglah hukum ini. Hal ini berdasarkan kaedah yang menyebutkan:

الأَحْكَامُ تَدُورُ مَعَ الْعِلَلِ وَجُودًا وَعَدَمًا

**Maksudnya:** "Semua hukum berlegar bersama 'illahnya (sebabnya), sama ada ia wujud atau tidak."

Begitu juga dengan kaedah yang menyebutkan:

إِذَا انْتَفَتِ الْعِلَّةُ انْتَفَى الْحُكْمُ

**Maksudnya:** "Apabila hilang 'illahnya, maka tiadalah hukum tersebut."

---

Inilah jawapan kami secara ringkas yang terkait dengan **Pelaksanaan Solat Jumaat dalam Komuniti Muslim yang Kecil** yang kami khususkan jawapan ini hanya bagi masyarakat minoriti umat Islam di negara non-Muslim bagi menegakkan syiar agama Allah SWT.

# PENUTUP

Sesungguhnya, solat Jumaat merupakan syiar yang menjadi fardhu dan wajib kepada lelaki Muslim yang cukup segala syaratnya. Antaranya bermukim atau bermastautin serta jumlah yang tertentu yang mesti dilaksanakan secara berjemaah di satu tempat mengikut kehendak pemerintah atau badan yang berautoriti pada sesebuah tempat.

Syiar seperti ini perlu ditegakkan kerana kelebihanannya yang tersendiri. Justeru, berbeza dengan solat biasa, solat Jumaat diwajibkan dengan didahulukan dengan dua khutbah. Tujuan khutbah untuk peringatan ke arah ketakwaan dan juga amar makruf nahi mungkar serta membimbing kaedah ke arah yang lebih baik sesuai dengan kaedah nasihat menasihati. Benarlah firman Allah SWT:

وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ

**Maksudnya:** *“Dan juga saling nasihat-menasihati kepada kebenaran dan saling nasihat-menasihati kepada kesabaran.”*

(Surah al-Asr: 3)

Maksud saling berpesan dengan **kebenaran** ialah: Mereka saling menasihati untuk **mengerjakan amalan, sebagaimana diturunkan oleh Allah di dalam Kitab-Nya, iaitu yang diperintahkan-Nya dan menjauhi apa yang dilarang-Nya.** (Lihat *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ayi al-Quran*, 24/590; lihat juga *Tafsir al-Qur'an al-'Azim* oleh Ibn Abi Hatim, 7/567).

Manakala maksud saling berpesan dengan **kesabaran** pula ialah: Mereka saling menasihati untuk menetapi **kesabaran dalam melaksanakan ketaatan terhadap Allah SWT.**" (Lihat *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ayi al-Quran*, 24/590; *al-Jami' li Ahkam al-Quran*, 20/123).

Marilah sama-sama kita berdoa semoga Allah jadikan kita ahli solat dan juga keluarga kita di mana sahaja kita berada, solat tetap diutamakan kerana itulah cara untuk kita memperolehi kejayaan di dunia dan akhirat. Kami akhiri dengan doa:

رَبِّ اجْعَلْنِي مُقِيمَ الصَّلَاةِ وَمِنْ ذُرِّيَّتِي ۗ رَبَّنَا وَتَقَبَّلْ دُعَاءِ ﴿٤﴾  
رَبَّنَا اغْفِرْ لِي وَلِوَالِدَيَّ وَلِلْمُؤْمِنِينَ يَوْمَ يَقُومُ الْحِسَابُ

**Maksudnya:** "Wahai Tuhanku! Jadikanlah daku orang yang mendirikan sembahyang dan demikianlah juga zuriat



---

*keturunanku. Wahai Tuhan kami, perkenankanlah doa permohonanku. Wahai Tuhan kami! Berilah ampun bagiku dan bagi kedua ibu bapakku serta bagi orang-orang yang beriman, pada masa berlakunya hitungan amal dan pembalasan.”*

# BIBLIOGRAFI

'Abd al-'Aziz bin Abdullah bin Baz (t.t). **Majmu' Fatawa wa Maqalat Mutanawwi'ah** (t.c). Pentahqiq: Dr. Muhammad bin Sa'ad al-Syuwai'ir. Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Su'udiyah: Ri'asah Idarah al-Buhuth al-'Ilmiyyah wa al-Ifta'.

'Ali bin Muhammad bin 'Ali al-Jurjani (1983). **Al-Ta'rifat** (Cet. 1). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Abu 'Abd al-Rahman Ahmad bin Syu'aib al-Nasa'i (2001). **Al-Sunan al-Kubra** (1st ed.). Editor: Hasan 'Abd al-Mun'im Syalbi & Syu'aib al-Arnaut. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.

Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa al-Tirmizi (1996). **Al-Jami' al-Kabir** (1st ed.). Editor: Basyar 'Awwadh Ma'ruf. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.

Abu 'Abdillah Muhammad bin Abdullah al-Hakim al-Naisaburi (1990). **Al-Mustadrak 'ala al-Sahihain** (Cet. 1). Pentahqiq: Mustafa 'Abd al-Qadir 'Ata. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Abu 'Abdillah Muhammad bin Ahmad al-Ansari al-Qurtubi (1963). **Al-Jami' li Ahkam al-Quran** (Cet. 2). Pentahqiq: Ahmad al-Barduni & Ibrahim Atfisy. Kaherah: Dar al-Kutub

al-Misriyyah.

Abu 'Abdillah Muhammad bin Idris al-Syafi'i (1990). ***Al-Umm*** (Cet. 2). Beirut: Dar al-Fikr.

Abu 'Abdillah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari (1422H). ***al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasarmin Umur Rasulillah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi & Syarh wa Ta'liq li Mustafa Dib al-Bugha*** (Cet. 1). Pentahqiq: Muhammad Zuhair bin Nasir al-Nasir. Beirut: Dar Tuq al-Najah.

Abu 'Abdillah Muhammad bin Zaid al-Qazwini (1426H). ***Sunan Ibn Majah*** (Cet. 1). Kaherah: Dar Ibn al-Haitham.

Abu al-'Abbas Syihabuddin Ahmad bin Husain bin 'Ali bin Ruslan (2016). ***Syarh Sunan Abi Daud*** (Cet. 1). Pentahqiq: Khalid al-Ribat. Al-Fayyum: Dar al-Falah.

Abu al-Baqā' Ayyub bin Musa al-Husaini al-Kafawi (1998). ***Al-Kulliyat Mu'jam fi al-Mustalahat wa al-Furuq al-Lughawiyah*** (Cet. 2). Pentahqiq: 'Adnan Darwisy & Muhammad al-Misri. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.

Abu al-Barakat Abdullah bin Ahmad bin Mahmud Hafizuddin al-Nasafi (1432). ***Kanz al-Daqa'iq*** (Cet. 1). Pentahqiq: Sa'id Bakdasy. Beirut: Dar al-Basya'ir al-Islamiyyah.

Abu al-Fida' 'Imaduddin Isma'il bin 'Umar bin Kathir al-Dimasyqi (1998). **Tafsir al-Qur'an al-'Azim** (Cet. 1). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Abu al-Hasan 'Ali bin Muhammad bin Muhammad bin Habib al-Basri (t.t). **al-Nukat wa al-'Uyun** (t.c). Pentahqiq: al-Sayyid Ibn 'Abd al-Maqsud bin 'Abd al-Hakim. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Abu al-Hasan Muslim bin al-Hajjaj (t.t). **al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar bi Naql al-'Adl 'an al-'Adl ila Rasulillah SAW** (t.c). Pentahqiq: Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.

Abu al-Qasim Sulaiman bin Ahmad al-Tabarani (1995). **Al-Mu'jam al-Awsat** (t.c). Pentahqiq: Abu Mu'az Tariq bin 'Iwadhullah bin Muhammad & Abu al-Fadhl 'Abd al-Muhsin bin Ibrahim al-Husaini. Kaherah: Dar al-Haramain.

Abu al-Walid Muhammad bin Ahmad bin Muhammad bin Ahmad bin Rusyd al-Qurtubi (1425). **Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid** (t.c). Kaherah: Dar al-Hadith.

Abu Bakar Ahmad bin 'Ali al-Jassas al-Razi (1995). **Mukhtasar Ikhtilaf Ulama** (Cet. 1). Pentahqiq: Abdullah Nazir Ahmad. Beirut: Dar al-Basya'ir al-Islamiyyah.

Abu Bakar Ahmad bin al-Husain bin 'Ali al-Baihaqi (2003).

***Al-Sunan al-Kubra*** (Cet. 3). Pentahqiq: Muhammad 'Abd al-Qadir 'Ata. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Abu Bakr bin Mas'ud al-Kasani al-Hanafi (1327). ***Badai' al-Sanai' fi Tartib al-Syarai'*** (Cet. 1). Mesir: Matba'ah al-Jamaliyyah.

Abu Dawud Sulaiman bin Asy'ath al-Sijistani (275 H). ***Sunan Abi Daud*** (Cet. 1). Pentahqiq: Syu'aib al-Arnaut. Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.

Abu Hafis Umar bin Ali bin Ahmad, Sirajuddin Ibn Mulaqqin (1425). ***Al-Badr al-Munir fi Takhrij al-Ahadith wa Athar al-Waqi'ah fi Syarh al-Kabir*** (Cet. 1). Pentahqiq: Mustafa Abu al-Ghait, Abdullah bin Sulaiman, et. al. Riyadh: Dar al-Hijrah.

Abu Ja'far Muhammad bin Jarir al-Tabari (t.t). ***Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ayi al-Quran*** (t.c). Pentahqiq: Mahmud Muhammad Syakir. Makkah al-Mukarramah: Dar al-Tarbiyah wa al-Turath.

Abu Mansur Muhammad bin Ahmad bin al-Azhari (2001). ***Tahzib al-Lughah*** (Cet. 1). Pentahqiq: Muhammad 'Iwadh Mura'ib. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.

Abu Muhammad 'Abd al-Rahman bin Muhammad bin Idris bin al-Munzir al-Razi Ibn Abi Hatim (1419). ***Tafsir al-Qur'an al-'Azim*** (Cet. 3). Pentahqiq: As'ad Muhammad al-

Tayyib. Arab Saudi: Maktabah Nizar Mustafa al-Baz.

Abu Muhammad 'Ali bin Ahmad bin Sa'id bin Hazm al-Andalusi (1988). ***Al-Muhalla bi al-Athar*** (Cet. 1). Pentahqiq: 'Abd al-Ghaffar Sulaiman al-Bandari. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Abu Muhammad Badruddin Mahmud bin Ahmad bin Musa bin Ahmad bin Husain al-'Aini (1999). ***Syarh Sunan Abi Daud*** (Cet. 1). Pentahqiq: Abu al-Munzir Khalid bin Ibrahim al-Misri. Riyadh: Maktabah al-Rusyd.

Abu Muhammad Muwaffaq al-Din Abdullah bin Ahmad bin Muhammad bin Qudamah al-Maqdisi (1997). ***al-Mughni*** (Cet. 3). Riyadh: Dar 'Alam al-Kutub.

Abu Sulaiman Hamad bin Muhammad al-Khattabi (1932). ***Ma'alim al-Sunan*** (Cet. 1). Halab: al-Matba'ah al-'Ilmiyyah.

Abu Zakariyya Muhyiddin bin Syaraf al-Nawawi (1347H). ***al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*** (t.c). Beirut: Dar al-Fikr.

Abu Zakariyya Muhyiddin Yahya bin Syaraf al-Nawawi (1392H). ***al-Minhaj Syarh Sahih Muslim*** (Cet. 2). Beirut: Dar al-Ihya'.

Ahmad bin Muhammad bin 'Ali bin Hajar al-Haitami (1983). ***Tuhfah al-Muhtaj fi Syarh al-Minhaj & Hasyiah al-***

**Imam 'Abd al-Hamid al-Syarwani & Hasyiah al-Imam Ahmad bin Qasim al-'Ibadi** (t.c). Mesir: al-Maktabah al-Tijariyyah.

Al-Ri'asah al-'Ammah li Idarat al-Buhuth al-'Ilmiyyah wa al-Ifta' wa al-Da'awat wa al-Irsyad (t.t). **Majallah al-Buhuth al-Islamiyyah** (t.c).

Al-Sayyid Ahmad bin 'Umar al-Syatiri al-'Alawi al-Hadhrami (2007). **Nail al-Raja' bi Syarh Safinah al-Naja'** (Cet. 2). Beirut: Dar al-Minhaj.

Hasan bin Ahmad bin Muhammad al-Kaff (2003). **Al-Taqirrat al-Sadidah fi al-Masa'il al-Mufidah** (Cet. 1). Pentahqiq: Zain bin Ibrahim bin Zain Sumait. Riyadh: Dar al-Mirath al-Nabawiyyah.

Hasanain Muhammad Makhluf (1951). **Fatawa Syar'iyyah wa Buhuth Islamiyyah** (t.c). Mesir: Dar al-Kitab al-'Arabi.

Ibrahim bin Muhammad bin Ahmad al-Bajuri (1437). **Hasyiah al-Bajuri 'ala Syarh al-'Allamah Ibn Qasim al-Ghazzi 'ala Matn Abi Syuja'** (Cet. 1). Pentahqiq: Mahmud Soleh Ahmad Hasan al-Hadidi. Beirut: Dar al-Minhaj.

Mansur bin Yunus al-Buhuti (1996). **Al-Raudh al-Murbi' Syarh Zad al-Mustaqni'** (Cet. 1). Beirut: Mu'assasah al-Risalah.

Muhammad al-Tahir bin Muhammad bin Muhammad al-Tahir bin 'Asyur al-Tunisi (1984). **Tahrir al-Ma'na wa Tanwir al-'Aql al-Jadid min Tafsir al-Kitab al-Majid** (t.c). Tunisia: al-Dar al-Tunisiyyah.

Muhammad bin 'Ali al-Syaukani (1427H). **Nail al-Autar min Asrar Muntaqa al-Akhbar** (Cet. 1). Pentahqiq: Muhammad Subhi bin Hasan Hallaq. Riyadh: Dar Ibn al-Jauzi.

Muhammad bin Isma'il Daud al-Fatani (2018). **Matla' al-Badrain - Panduan Lengkap Fiqh Sepanjang Zaman** (Cet. 2). Shah Alam: Grup Buku Karang kraf.

Muhammad bin Soleh bin Muhammad al-'Uthaimin (1422). **Al-Syarh al-Mumti' 'ala Zad al-Mustaqni'** (Cet. 1). Arab Saudi: Dar Ibn al-Jauzi.

Muhammad Nasiruddin al-Albani (1423). **Sahih Sunan Abi Daud** (Cet. 1). Kuwait: Muassasah Ghiras.

Muhammad Nasiruddin al-Albani (1997). **Sahih Sunan Ibn Majah** (Cet. 1). Riyadh: Maktabah al-Ma'arif.

Muhammad Nasiruddin al-Albani (2002). **Sahih Sunan Abi Daud** (Cet. 1). Kuwait: Mu'assasah Gharras.

Mustafa al-Khin, et. al (1413). **Al-Fiqh al-Manhaji 'ala Mazhab al-Imam al-Syafi'i** (Cet. 4). Damsyik: Dar al-Qalam.



Sami bin Muhammad bin Jadullah (2019). ***Al-Ikhtiyarat al-Fiqhiyyah li Syaikh al-Islam Ibn Taimiyyah lada Talamizih*** (Cet. 3). Riyadh: Dar 'Ata'at al-'Ilm.

Sirajuddin 'Umar bin Ibrahim bin Nujaim al-Hanafi (2002). ***Al-Nahr al-Fa'iq Syarh Kanz al-Daqa'iq*** (Cet. 1). Pentahqiq: Ahmad 'Izzu 'Inayah. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Syams al-Ummah Muhammad bin Ahmad bin Abu Sahl al-Sarakhsi (t.t). ***Al-Mabsut*** (t.c). Beirut: Dar al-Ma'rifah.

Syamsuddin Muhammad bin Ahmad al-Ramli (1994). ***Ghayah al-Bayan Syarh Zubad Ibn Ruslan*** (Cet. 1). Pentahqiq: Ahmad 'Abd al-Salam Syahin. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Wahbah al-Zuhaili (2012). ***Mausu'ah al-Fiqh al-Islami wa al-Qadhaya al-Mu'asirah*** (Cet. 3). Damsyik: Dar al-Fikr.

Zainuddin bin Ibrahim bin Muhammad ibn Nujaim al-Misri (1997). ***Al-Bahr al-Ra'iq Syarh Kanz al-Daqa'iq*** (Cet. 1). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.



[www.maktabahalbakri.com](http://www.maktabahalbakri.com)